BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
November 2024

Inflasi keseluruhan menurun berikutan inflasi yang lebih rendah bagi perkhidmatan komunikasi mudah alih

Sumbangan kepada inflasi



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir
[2] Penurunan inflasi untuk perkhidmatan komunikasi mudah alih adalah disebabkan oleh harga promosi untuk pelan pascabayar mudah alih dan peningkatan kuota data.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Pada bulan November, inflasi keseluruhan menurun kepada 1.8% (Oktober 2024: 1.9%), manakala inflasi teras[1] kekal stabil pada 1.8% (Oktober 2024: 1.8%).
- Inflasi keseluruhan yang lebih rendah sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan berterusan inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih[2], yang menurun kepada -11.4% (Oktober 2024: -5.2%) sepanjang bulan November.
- Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh inflasi yang lebih tinggi untuk makanan di luar rumah (4.8%; Oktober 2024: 4.1%) dan perkhidmatan penstriman (8.9%; Oktober: 5.3%).

Pengeluaran perkilangan berkembang pada bulan Oktober 2024

Indeks Pengeluaran Industri Perkilangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks pengeluaran industri perkilangan meningkat sebanyak 3.3% pada bulan Oktober 2024 (September 2024: 3.2%).
- Kelompok berorientasikan eksport terus berkembang, disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi produk E&E dan produk berkaitan sumber.
- Pertumbuhan dalam kelompok berorientasikan dalam negeri terus meningkat, mencerminkan pengeluaran yang lebih tinggi bagi bahan berkaitan pembinaan serta produk makanan, minuman dan tembakau.

Sorotan Bulanan
November 2024

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan lebih tinggi pada bulan November

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]



[1] Terdiri daripada pinjaman isi rumah dan syarikat bukan kewangan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) serta bon korporat yang diterbitkan oleh syarikat bukan kewangan (termasuk kertas jangka pendek). Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 5.4% (Oktober 2024: 5.1%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam bon korporat (3.8%; Oktober 2024: 2.6%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan kekal pada 5.4% (Oktober 2024: 5.4%). Mengikut tujuan, pertumbuhan pinjaman bagi pinjaman berkaitan pelaburan terus menggalakkan, khususnya dalam kalangan peminjam PKS (9.4%; Oktober 2024: 9.2%). Manakala, pinjaman bagi tujuan modal kerja menurun kepada 3.5% (Oktober 2024: 3.8%).
- Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman terus dikekalkan pada 6.0% (Oktober 2024: 6.1%), berikutan pertumbuhan yang secara amnya stabil merentas tujuan pinjaman.

Pasaran kewangan domestik kebanyakannya dipengaruhi oleh sentimen pelabur global yang lebih berhati-hati

Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan November 2024



Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur
*Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan
Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

- Sentimen pelabur global berubah menjadi lebih berhati-hati. Hal ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh ketidakpastian mengenai dasar-dasar yang mungkin dilaksanakan oleh pentadbiran Amerika Syarikat yang akan datang serta jangkaan pasaran mengenai penurunan kadar faedah pada masa hadapan oleh US Federal Reserve.
- Berlatarkan keadaan ini, dolar AS menjadi kukuh, memberikan tekanan kepada pengurangan nilai mata wang serantau (purata serantau*: -3.4%), termasuk ringgit (-1.0%).
- FBM KLCI juga mencatatkan penurunan marginal sebanyak 0.5% yang didorong oleh aliran keluar ekuiti asing. Sementara itu, hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 11 mata peratusan.

Sorotan Bulanan
November 2024

Kedudukan mudah tunai sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus mencatatkan penampan mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sebanyak 147.9% (Oktober 2024: 146.8%).
- Agregat nisbah pinjaman kepada dana secara amnya stabil pada 83.6% (Oktober 2024: 84%).

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih kekal stabil masing-masing pada 1.5% dan 0.9%.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) terus berada pada tahap berhemat sebanyak 128.1% daripada pinjaman terjejas (Oktober 2024: 126.6%).